



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 4 Julai 2018

Bil. 8/2018

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

PENGUATKUASAAN PELEPASAN SEPARUH HARI UNTUK AJK/EXCO KEKAUMAS MENJALANKAN KERJA-KERJA KESATUAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan berkaitan penguatkuasaan pelepasan separuh hari untuk AJK/EXCO KEKAUMAS di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan kerja-kerja kesatuan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 KEKAUMAS merupakan salah satu persatuan yang ditubuhkan di UMS sejak 19 tahun yang lalu dan telah berusaha menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh semua ahli semenjak penubuhannya.
- 2.2 Dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh ahli kesatuan, ada ketikanya AJK/EXCO kesatuan perlu menumpukan sepenuh perhatian ke atas tugas-tugas kesatuan bagi memastikan perancangan aktiviti berjalan lancar untuk mencapai objektif kesatuan demi kepentingan ahli seiring dengan misi dan visi universiti.
- 2.3 Pihak AJK/EXCO KEKAUMAS terikat dengan tugas hakiki yang memberi kesan kepada komitmen dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai AJK/EXCO KEKAUMAS.
- 2.4 Pihak KEKAUMAS mencadangkan melalui Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1/2018 untuk mendapatkan pelepasan khas kepada AJK/EXCO KEKAUMAS bagi menjalankan kerja-kerja kesatuan sekali sebulan dan separuh hari sahaja. Kesatuan mencadangkan waktu pelepasan tersebut adalah pada petang Jumaat minggu keempat setiap bulan.

- 2.5 Mesyuarat MBJ Bilangan 1/2018 telah bersetuju menerima kertas cadangan ini dan pihak Bahagian Sumber Manusia dipohon untuk menyediakan kertas kerja untuk kelulusan di peringkat Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) seterusnya diserahkan kepada Bahagian Pentadbiran dan Governan untuk pengeluaran Pekeliling Pendaftar.
- 2.6 Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil.3/2018 (Siri 1) Kali Ke-222 telah meluluskan Cadangan Pelepasan Separuh Hari Bekerja bagi AJK/EXCO Kesatuan pada petang Jumaat minggu keempat setiap bulan.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Ketua Jabatan perlu mengambil perhatian dan memberi pelepasan khas kepada AJK/EXCO KEKAUMAS bagi menjalankan kerja-kerja kesatuan sekali sebulan dan separuh hari sahaja sepertimana yang telah diluluskan.

4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2018.

"BERTEKAD CEMERLANG"


NO'MAN HJ. AHMAD
Pendaftar

Tarikh : 8 Julai 2018

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Penolong Naib Canselor